

## STRATEGI PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MENDENGAR DAN MENULIS DALAM KALANGAN PELAJAR ETNIK CINA DAN INDIA KETIKA BELAJAR BAHASA MELAYU

(Learning Strategy in Listening and Writing Skills among Chinese and Indian Ethnic Student when Learning of Malay Language)

**ROZANA JAAFAR**

SMK. Jalan 2, Bangi

Kementerian Pendidikan Malaysia

[rozanabintijaafar@gmail.com](mailto:rozanabintijaafar@gmail.com)

**Dihantar pada:**

20 Disember 2019

**Diterima pada:**

10 April 2020

**Koresponden:**

[rozanabintijaafar@gmail.com](mailto:rozanabintijaafar@gmail.com)

**Abstrak:** Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa Melayu yang kerap digunakan oleh pelajar etnik Cina dan India berdasarkan kemahiran mendengar dan menulis. Seramai 234 orang pelajar etnik Cina dan India tingkatan 4 dari 10 buah sekolah menengah di Daerah Hulu Langat, Selangor dipilih sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel adalah secara persampelan rawak berstrata. Soal selidik digunakan sebagai alat kajian. Soal selidik tersebut menggunakan skala Likert 5 mata dan terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian A terdiri daripada maklumat demografi responden dan Bahagian B melibatkan strategi pembelajaran kemahiran mendengar dan menulis. Data soal selidik ini dianalisis menggunakan perisian *Statistic Package for the Social Science* versi 22.0 untuk mendapatkan data deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar etnik Cina dan India ini menggunakan pelbagai strategi pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan kemahiran mendengar dan menulis berada pada tahap tinggi. Hal ini membuktikan bahawa pelajar etnik Cina dan India menggunakan pelbagai strategi pembelajaran kemahiran mendengar dan kemahiran menulis ketika belajar Bahasa Melayu. Oleh itu, guru Bahasa Melayu perlu menggalakkan pelajar menggunakan pelbagai strategi pembelajaran kemahiran mendengar dan menulis supaya dapat membantu mereka untuk menguasai kemahiran bahasa dengan lebih baik dan seterusnya memperoleh pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan.

**Kata Kunci:** Strategi pembelajaran bahasa, bahasa Melayu, pelajar cemerlang, kemahiran mendengar, kemahiran menulis, kemahiran bahasa.

*Abstract: This study aims to identify the Malay language learning strategy frequently used by learners based on listening skills and writing skills. A total of 234 students of Chinese and Indians form four in ten secondary schools in the District of Hulu Langat, Selangor was selected as samples. The selection of the sample is stratified random sampling. Survey instruments used as research tools. The questionnaire using Likert scale of five points and is divided into two parts. Two parts that need to be filled in by the respondents, namely section A comprising the demographic information of the respondents and part B involving strategies learning listening skills and writing skills. This questionnaire data analyzed using Statistic Software Package for the Social Science (SPSS) version 22.0 to obtain descriptive data. The result of this research shows that learners use Malay learning strategy based on listening skills at high level. In addition, the results showed Malay language learning strategies among excellent students based on writing skills are at a high level. It is proven that excellent students using diversity in Malay learning strategy based on listening skills and writing skills. Therefore, teachers should encourage students to use a variety of language learning strategies in particular listening skills and writing strategies in order to help them to capture better language skills and beyond acquire excellent achievement in the examination.*

**Key Words:** Language learning strategies, Malay language, excellent students, listening skills, writing skills, language skills.

## PENGENALAN

Pada era langit terbuka ini, umum mengetahui bahawa pembelajaran ialah satu proses berterusan yang meliputi pelbagai bidang disiplin ilmu dan penguasaan kemahiran. Namun begitu, penguasaan kemahiran dan disiplin ilmu sahaja tidak mencukupi. Hal ini demikian kerana pelajar perlu juga diterapkan dengan nilai positif dalam perkembangan jasmani, emosi, rohani, dan intelek. Bertitik tolak daripada itu, sistem pendidikan di Malaysia kini telah mengalami perubahan selari dengan kehendak semasa, iaitu daripada pembelajaran berpusatkan guru kepada pembelajaran berpusatkan pelajar.

Justeru, transformasi dalam sistem pendidikan negara berteraskan pembelajaran abad ke-21 adalah tepat pada masanya kerana selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013). Oleh itu, melalui transformasi tersebut diharapkan kita dapat menyediakan pelajar yang ampuh mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0. Tegasnya, guru perlulah bijak memainkan peranannya sebagai pemudah cara sekali gus menggalakkan pelibatan murid secara aktif dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).

Dalam PdPc Bahasa Melayu di sekolah, golongan pendidik seringkali berhadapan dengan pelbagai kekangan. Kekangan yang paling mencabar bagi guru Bahasa Melayu adalah mengajarkan kemahiran bahasa kepada pelajar bukan Melayu sebagai bahasa kedua. Dalam konteks ini, pengenalan dan penerapan strategi pembelajaran bahasa (SPB) oleh guru bahasa Melayu adalah bersesuaian pada masanya. Hal ini demikian kerana para guru perlu mendedahkan pelajar dengan kepelbagaian strategi pembelajaran agar mereka dapat mengaplikasikannya dalam pembelajaran termasuk kemahiran mendengar dan kemahiran menulis, terutamanya untuk menghadapi peperiksaan (Zamri 2015). Oleh itu, hasrat guru agar pelajar bukan Melayu menguasai asas kemahiran bahasa dapat direalisasikan.

Kemahiran mendengar perlulah diambil peduli penggunaannya oleh guru Bahasa Melayu. Hal ini dikatakan begitu kerana kemahiran mendengar merupakan kemahiran utama dalam pembelajaran bahasa. Kenyataan ini selari dengan pendapat Nik Mohd Rahimi dan Kamarulzaman (2006) di mana teknik kemahiran mendengar yang baik boleh

menjana dan mempengaruhi aspek kebahasaan yang lain termasuklah kemahiran bertutur, membaca, dan menulis. Tambahan pula, kemahiran mendengar seolah-olah diabaikan meliputi penyediaan kandungan buku teks yang relevan, pendedahan teknik kemahiran mendengar kepada guru-guru dan kekurangan bahan bantu mengajar yang sesuai dan praktikal berkaitan teknik kemahiran mendengar di dalam kelas (Nik Mohd Rahimi 2005; Mohd Izzudin et al. 2017). Jelaslah bahawa melalui penyelidikan tentang strategi pembelajaran kemahiran mendengar dalam Bahasa Melayu diharapkan berupaya membantu melahirkan pelajar yang menguasai bahasa kedua dengan lebih baik.

Seterusnya, kemahiran bahasa yang paling sukar dikuasai oleh pelajar bahasa kedua ialah kemahiran menulis. Hal ini dikatakan begitu kerana kemahiran menulis melibatkan proses yang kompleks dan memerlukan tahap penguasaan yang sistematik (Che Zanariah dan Fadzilah 2011). Bukan itu sahaja, kemahiran menulis amat sinonim dengan kebolehan pelajar menulis perkataan atau ayat yang gramatis, di samping mematuhi hukum-hukum tata bahasa. Kenyataan ini selari dengan pendapat Zamri (2014), aktiviti menulis mempunyai hubungan yang erat dengan kemahiran bertutur dan membaca. Sebagai akibatnya, sesuatu yang diungkapkan secara lisan dan dibaca tidak dapat dipindahkan dalam bentuk penulisan sekiranya pelajar itu tidak menguasai kemahiran menulis (Noor Habsah dan Yahya 2018). Oleh itu, guru Bahasa Melayu perlu memperkenalkan pelajar bahasa kedua ini dengan pelbagai SPB.

Di samping itu, terdapat pelbagai kebaikan apabila pelajar bukan penutur natif diterapkan dengan SPB. Hal ini demikian kerana kepelbagaian dalam SPB dapat memudahkan pelajar untuk menguasai teknik tertentu dalam kemahiran bahasa, di samping menimbulkan keseronokan dalam pembelajaran bahasa. Pernyataan ini selari dengan pandangan Mohamed Amin (2000), SPB dapat mendorong pelajar menguasai proses pembelajaran dengan mudah, pantas, menggembirakan, dan berdikari. Jelaslah bahawa SPB ini amat penting dalam membantu pelajar dalam mempelajari Bahasa Melayu khususnya dalam aspek kemahiran mendengardan kemahiran menulis.

Oleh itu, satu kajian tentang SPB Bahasa Melayu berdasarkan kemahiran mendengar dan

kemahiran menulis dalam kalangan pelajar cemerlang yang terdiri daripada pelajar kaum Cina dan India wajar dilaksanakan. Justeru, warga pendidik seharusnya memainkan peranan dalam mendedahkan pelajar dengan pelbagai SPB khususnya kemahiran mendengar dan kemahiran menulis. Sehubungan dengan itu, matlamat pembelajaran abad ke-21 akan dapat direalisasikan seterusnya melahirkan pelajar bukan Melayu yang dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik.

### PERNYATAAN MASALAH

Terdapat banyak kajian yang melibatkan SPB, namun pendedahan maklumat tentang penggunaan strategi pembelajaran kemahiran mendengar dan kemahiran menulis ini adalah masih kurang. Justeru, pengkaji berpendapat bahawa kajian seumpama ini perlu diperluas di sekolah menengah kebangsaan yang mana melibatkan pelajar cemerlang etnik Cina dan India sebagai sampel kajian.

Seterusnya, isu berkaitan kemahiran mendengar sering dipandang ringan wajar diberikan perhatian. Hal ini disebabkan oleh sesetengah masyarakat menganggap kemahiran mendengar adalah kemahiran sekunder berbanding kemahiran bahasa yang lain. Hamouda (2013) berpendapat bahawa kemahiran mendengar diabaikan atau dipinggirkan dalam penyediaan buku teks hingga mendatangkan impak yang besar di alam persekolahan. Komentari ini selari dengan hasil kajian beliau bahawa kemahiran mendengar merupakan kemahiran yang paling lemah dikuasai oleh pelajar. Oleh itu, kajian SPB Bahasa Melayu berdasarkan kemahiran mendengar ini wajar dilaksanakan kerana kepentingannya dalam penguasaan bahasa kedua.

Isu pelajar tidak menguasai kemahiran menulis karangan merupakan isu yang perlu diberi perhatian. Hal ini dikatakan demikian kerana berdasarkan Kupasan Mutu Jawapan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2018 bagi Kertas 1 Bahasa Melayu (Lembaga Peperiksaan Malaysia (2019), para pelajar dengan bantuan guru perlu memantapkan kemahiran asas penulisan karangan agar mereka menguasai kemahiran yang betul untuk merangka karangan, format menulis karangan, dan menghuraikan idea dan isi penting dengan olahan yang lebih menarik. Bukan itu sahaja, calon SPM juga disarankan agar

menghuraikan idea yang relevan dengan jelas dan disokong dengan contoh-contoh yang sesuai. Selain itu, para pelajar turut dicadangkan agar sentiasa berlatih untuk menguasai pembinaan perenggan deduktif, induktif serta perenggan gabungan kedua-duanya. Hal ini bertepatan dengan kenyataan oleh Noor Habsah dan Yahya (2018), pelajar yang mahir dalam menulis akan berkebolehan menghurai dan menyusun idea-idea dengan tepat, di samping berkemampuan untuk menjawab soalan peperiksaan dengan baik.

Selanjutnya, pelajar bukan Melayu turut menghadapi masalah kosa kata yang terhad. Hal ini dikatakan begitu kerana kesan daripada kekurangan perbendaharaan kata menyebabkan pelajar cenderung menggunakan bahasa ibunda dalam penulisan mereka. Kenyataan ini selari dengan pendapat Noor Habsah dan Yahya (2018), masalah kosa kata yang terhad menyebabkan pelajar tidak dapat menghuraikan idea dengan baik bahkan menggunakan perkataan daripada bahasa ibunda untuk melahirkan idea dalam penulisan. Situasi seumpama ini disokong oleh kajian Zamri (2016) bahawa terdapat pengaruh bahasa ibunda dalam pembelajaran bahasa bagi pelajar yang mempelajari Bahasa Melayu.

Sehubungan dengan itu, isu murid yang kurang menguasai kemahiran mendengar dan kemahiran menulis perlu dirungkai dan diselesaikan dengan segera. Hal ini demikian kerana kemahiran mendengar pelajar diuji dalam Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) sebagai Ujian Lisan Mendengar Bahasa Melayu. Sementelahan itu, kemahiran menulis pula diuji dalam penulisan karangan bagi kertas bahasa Melayu PT3 dan Kertas 1 Bahasa Melayu SPM. Umum mengetahui bahawa bagi Kertas 1 Bahasa Melayu SPM memperuntukkan markah yang sangat besar, iaitu 130 markah. Sekiranya isu ini tidak diselesaikan, maka akan menjejaskan pencapaian pelajar dalam Peperiksaan SPM khususnya bagi Kertas Bahasa Melayu. Hal ini disokong oleh Zamri dan Mohamed Amin (2008), semua pelajar perlu menguasai Bahasa Melayu dengan baik.

Oleh tu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan strategi pembelajaran kemahiran mendengar dan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar cemerlang bahasa etnik Cina dan India dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

## KAJIAN STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA

Strategi pembelajaran bahasa (SPB) merupakan satu mekanisme untuk meningkatkan penguasaan pelajar dalam kemahiran Bahasa Melayu. Penyelidikan tentang SPB telah dilakukan oleh kebanyakan pengkaji sama ada daridalam dan luar negara. Di negara Barat, era penyelidikan berkaitan SPB dalam kalangan pelajar cemerlang bahasa telah bermula pada tahun 1970-an. Kamarul Shukri dan Mohamed Amin (2010), menjelaskan bahawa kajian pada peringkat awal telah dilakukan oleh Rubin (1975), diikuti oleh Naiman et al. (1978), Rubin (1981), Stern (1984), Chamot et al. (1988), Oxford (1990), O'Malley dan Chamot (1994), Green dan Oxford (1995), Park (1997), Bremmer (1999), Wharton (2000) dan lain-lain. Kedua-dua mereka berpendapat bahawa walaupun kajian pada peringkat awal itu tidak disokong oleh data empirikal namun dapat membuktikan bahawa pelajar cemerlang bahasa menggunakan strategi tertentu dalam pembelajaran bahasa. Bukan itu sahaja, kajian tersebut menjadi pencetus kepada kajian selanjutnya yang lebih sistematik dan empirikal.

Ekoran daripada perkembangan itu, kajian SPB di negara kita tercetus apabila Mohamed Amin memulakan kajian beliau pada tahun 1996. Penyelidikan beliau adalah berkaitan SPB Bahasa Inggeris yang berfokus kepada pelajar sekolah menengah. Bertitik tolak daripada itu, kajian beliau ini telah menjadi perintis kepada kajian berkaitan strategi pembelajaran bahasa oleh penyelidik lain hinggalah kini. Seterusnya, kajian bagi SPB Bahasa Melayu di Malaysia dirintis oleh Abu Talib (1998), diikuti pula oleh Mohd Nazali (1999), Zarina (2002), Supian (2003), Zamri (2004), Zamri et al. (2006, 2008, 2009, 2010, 2016), Zamri dan Mohamed Amin (2006, 2007), Sharala et al. (2014), Noor Zuhidayah (2015), Mohamad Yazid (2017), Noor Habsah dan Yahya (2018), Nur Syafina (2018) dan Muhammad Alee (2020). Hal ini membuktikan bahawa hampir 20 tahun penerokaan dalam penyelidikan berkaitan bidang SPB Bahasa Melayu telah banyak dijalankan.

SPB membawa pelbagai konsep dan pengertian. Mohamed Amin (2000) mendefinisikan strategi pembelajaran sebagai tabiat pembelajaran bahasa, kebolehan mengingat semula ilmu yang

dipelajari, dan kebolehan mengesan perkara yang sukar atau mudah semasa mempelajari bahasa. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, SPB merujuk kepada strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar cemerlang ketika mempelajari Bahasa Melayu berdasarkan kemahiran mendengar dan kemahiran menulis.

Kajian berkaitan SPB telah dibuktikan kepentingannya dalam proses pemerolehan bahasa. Dalam kajian literatur telah disiasat bahawa kebanyakan penyelidikan berkaitan SPB Bahasa Melayu di Malaysia lebih tertumpu kepada pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing (Zamri 2004, 2015). Sebagai tamsilnya, kajian pada peringkat awal oleh pengkaji terdahulu seperti Abu Talib (1998) telah menyelidik dan mendapati bahawa pelajar yang cemerlang mengaplikasikan pelbagai gaya dan strategi dibandingkan dengan pelajar lemah. Dalam tahun-tahun terkemudian, penyelidikan oleh Mohamed Amin et al. (1999) dan Zamri et al. (2010) turut menemukan dapatan yang serupa dengan Abu Talib. Senario ini memperlihatkan betapa rancaknya kajian berkaitan SPB Bahasa Melayu telah dilaksanakan oleh pengkaji bahasa pada ketika itu.

Kajian literatur menunjukkan terdapat beberapa penyelidikan yang telah dilaksanakan bagi mengenal pasti penggunaan SPB yang melibatkan kemahiran mendengar dan kemahiran menulis. Antara kajian tersebut ialah kajian oleh Zamri et al. (2010), Manprit Kaur dan Mohamed Amin (2011), Sharala et al. (2014), Zamri et al. (2016), Mohamad Yazid (2017), dan Nur Syafina (2018). Namun begitu, kajian tersebut berbeza daripada segi responden kajian. Sebagai contoh, penyelidik seperti Zamri et al. (2010), Manprit Kaur dan Mohamed Amin (2011), dan Zamri et al. (2016), menggunakan pelajar sekolah menengah sebagai responden kajian, manakala kajian Mohamad Yazid (2017) melibatkan murid cemerlang etnik cina di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

Terdapat juga kajian yang melibatkan pelajar di institusi pengajian tinggi, misalnya kajian oleh Sharala et al. (2014), melibatkan 500 pelajar warganegara asing di sebuah institusi pengajian tinggi swasta, manakala kajian Nur Syafina (2018) menggunakan 100 pelajar prasiswazah pengajian bahasa Melayu di Prince of Songkhla University, Pattani, Thailand sebagai responden kajiannya. Hal

ini menunjukkan bahawa SPB bukan sahaja diamalkan oleh pelajar Melayu dan bukan Melayu di sekolah rendah, namun juga melibatkan pelajar di sekolah menengah dan pelajar di institusi pengajian tinggi sama ada di dalam negara kita mahupun di luar negara. Kenyataan ini disokong oleh Kamarul Shukri dan Mohamed Amin (2010), rata-rata penyelidik bahasa berpandangan bahawa SPB ialah elemen penting dan mempunyai fungsi yang utama dalam memahami proses dan cara bahasa kedua atau bahasa asing dipelajari.

Hasil penyelidikan lepas memperlihatkan pelajar memerlukan bantuan daripada guru dan rakan sekelas untuk lebih memahami dan menguasai bahasa sasaran. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian terdahulu oleh Manprit Kaur dan Mohamed Amin (2011), Sharala et al. (2014), dan Zamri et al. (2016) yang mendapati bahawa guru dan rakan sekelas memainkan peranan yang sangat besar dalam mendorong pelajar menggunakan strategi pembelajaran kemahiran mendengar semasa mempelajari bahasa Melayu di bilik darjah. Namun begitu, kajian Zamri et al. (2016) mendapati kedua-dua SPB tersebut, iaitu kemahiran mendengar dan kemahiran menulis memperoleh skor min yang sederhana sahaja.

Seterusnya, kajian Zamri et al. (2010) membuktikan bahawa pelajar cemerlang bahasa menggunakan strategi kemahiran bahasa untuk menguasai Bahasa Melayu. Kajian beliau mendapati bahawa strategi kemahiran bahasa yang paling utama dikuasai oleh pelajar cemerlang bahasa ialah kemahiran mendengar dan bertutur, diikuti kemahiran membaca, kemahiran menulis, kemahiran kosa kata, dan akhir sekali kemahiran tatabahasa.

Selanjutnya, pengkaji terdahulu mendapati bahawa wujudnya masalah atau halangan dalam PdPc bahasa Melayu. Kajian Che Zanariah dan Fadzilah (2011) mendapati bahawa kelemahan guru dalam aspek pengetahuan dan kemahiran bahasa telah menyumbang kepada masalah kemahiran menulis dalam kalangan murid di sekolah rendah. Justeru, beliau telah menyarankan agar para pendidik mengamalkan sikap yang positif terhadap kemahiran menulis. Perkara ini perlu diberi keutamaan kerana peranan guru sangat penting dalam menerapkan strategi kemahiran menulis kepada pelajarannya. Pernyataan ini disokong oleh pandangan Zamri (2014) dan Wood

(2002) bahawa guru perlu cakna akan latar belakang pelajarannya agar guru dapat menyesuaikan pendekatan, kaedah, dan teknik pengajaran terhadap pelajarannya itu.

Sementara itu, dapatan kajian Noor Habsah dan Yahya (2018) memperlihatkan penemuan yang berbeza berkaitan penggunaan strategi pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melanau di Daerah Daro. Hasil penyelidikan tersebut mendapati bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi penggunaan strategi pembelajaran kemahiran menulis. Bukan itu sahaja, kajian Noor Habsah dan Yahya (2018) membuktikan bahawa penggunaan strategi pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu tidak mempengaruhi pencapaian pelajar Melanau. Justeru, dapatan kajian Noor Habsah dan Yahya (2018) selari dengan hasil kajian Nur Syafina (2018) dan Mohamad Yazid (2017) bahawa tidak terdapat hubungan antara SPB dengan pencapaian Bahasa Melayu. Namun begitu, terdapat kajian lepas oleh Zamri et al. (2002), dan Supian (2003) yang membuktikan bahawa SPB pelajar cemerlang mempengaruhi pencapaiannya dalam peperiksaan.

Kajian tinjauan berkaitan penggunaan SPB Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Cina berdasarkan sikap dan kemahiran bahasa turut dilaksanakan oleh Zamri et al. (2016). Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa sikap dan penggunaan SPB Bahasa Melayu pelajar Cina berada pada tahap sederhana. Bukan itu sahaja, hal ini membuktikan sikap pelajar berbangsa Cina yang positif dalam mengamalkan kesemua strategi berkaitan kemahiran bahasa, termasuklah strategi bertutur, strategi mendengar, strategi menulis, dan strategi membaca.

Selain itu, terdapat kebaikan daripada penggunaan SPB Bahasa Melayu terhadap pelajar. Hal ini dikatakan begitu kerana kepelbagaian dalam penggunaan strategi pembelajaran yang diterapkan oleh guru dapat mendorong minat pelajar untuk mempelajari Bahasa Melayu (Zamri 2015). Pendapat Zamri ini selari dengan dapatan Kamariah (2015) dan Mohamad Yazid (2016), bahawa dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, pelajar bukan Melayu telah menggunakan pelbagai SPB. Oleh hal yang demikian, sebagai seorang pendidik bahasa, guru Bahasa Melayu perlulah mempraktikkan strategi PdPc yang lebih menarik dan bersesuaian dengan tahap pencapaian pelajarannya.

Kesimpulannya, SPB ini amatlah penting untuk pelajar mempelajari Bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana penggunaan SPB yang betul dan bersesuaian akan mendatangkan impak positif kepada penguasaan Bahasa Melayu pelajar itu. Tambahan pula, semakin kerap seseorang pelajar mempraktikkan SPB, maka semakin tinggi peluangnya untuk berjaya dalam bahasa kedua yang dipelajarinya (Kamarul Shukri dan Mohamed Amin 2010; Zamri 2015). Oleh itu, SPB perlu dikuasai oleh setiap pelajar kerana melalui penggunaan strategi pembelajaran yang bersesuaian akan membantu pelajar penutur bukan natif dalam menguasai bahasa sasaran dengan lebih berkesan.

## **TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau penggunaan SPB Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar cemerlang etnik Cina dan India berdasarkan kemahiran mendengar dan menulis. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui pasti SPB Bahasa Melayu yang kerap digunakan oleh pelajar cemerlang berdasarkan kemahiran mendengar.
2. Mengetahui pasti SPB Bahasa Melayu yang kerap digunakan oleh pelajar cemerlang berdasarkan kemahiran menulis.

## **METODOLOGI**

### **Reka Bentuk Kajian**

Dalam konteks kajian ini, reka bentuk kajian yang digunakan ialah reka bentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Menurut Mohd. Majid (2000), kaedah tinjauan merupakan kaedah yang sering kali digunakan oleh para penyelidik terutamanya dalam kajian yang berkaitan bidang pendidikan. Selain itu, tujuan kaedah tinjauan adalah untuk membuat generalisasi tentang populasi yang dikaji.

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Penyelidik telah memilih 234 orang pelajar tingkatan 4 sebagai sampel kajian. Sampel tersebut dipilih daripada populasi pelajar di 10 buah sekolah menengah kebangsaan di Daerah Hulu Langat, Selangor. Sampel kajian terdiri daripada

pelajar cemerlang Bahasa Melayu yang terdiri daripada pelajar kaum Cina dan India sahaja. Sampel dipilih berdasarkan pencapaian gred A dan B bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dalam Peperiksaan PT3 tahun 2018.

Berdasarkan jumlah populasi di kawasan kajian yang dijalankan, saiz sampel adalah ditentukan dengan merujuk kepada jadual penentu saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Menurut Krejcie dan Morgan (1970), jika populasi berjumlah 600 orang, maka sampel sekurang-kurangnya 234 orang. Seterusnya, sampel dipilih menggunakan teknik persampelan rawak berstrata kerana pengkaji perlu memilih pelajar bukan Melayu yang cemerlang dalam Bahasa Melayu dan pemilihan tersebut melibatkan sekolah daripada zon yang berbeza di dalam satu daerah.

### **Instrumen Kajian**

Kajian tinjauan berbentuk kuantitatif ini menggunakan instrumen soal selidik bagi tujuan mendapatkan data. Soal selidik yang digunakan adalah adaptasi dan diubah suai daripada inventori kajian yang disediakan oleh Zamri et al. (2010) dan kajian Noor Habsah dan Yahya (2018). Dalam penyelidikan berkaitan strategi pembelajaran kemahiran menulis ini, terdapat dua bahagian yang perlu diisi oleh responden. Bahagian A (maklumat demografi responden) dan Bahagian B (strategi pembelajaran kemahiran mendengar dan menulis). Item-item dalam bahagian tersebut menggunakan skala Likert 5 mata, iaitu (1) sangat tidak benar, (2) tidak benar, (3) tidak pasti, (4) benar dan (5) sangat benar.

### **Kaedah Pengumpulan Data**

Setelah memperoleh surat kebenaran untuk melaksanakan kajian di sekolah, soal selidik diedarkan kepada 234 orang pelajar cemerlang bukan Melayu yang dikenal pasti memperoleh gred A dan B dalam Peperiksaan PT3 tahun 2018.

Sebelum soal selidik diedarkan, responden diberikan taklimat tentang tujuan kajian dan kepentingan menjawab soal selidik tersebut dengan jujur dan baik. Selepa itu, responden diminta mengisi borang soal selidik yang telah diedarkan. Responden diberikan tempoh masa untuk menjawab soal selidik tersebut di antara 15 hingga 20 minit. Selepas tamat sesi menjawab,

soal selidik tersebut dikutip dan dikumpulkan oleh pengkaji dengan bantuan guru Bahasa Melayu di sekolah yang terlibat.

### Kaedah Analisis Data

Data soal selidik yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian *Statistic Package for the Social Science* versi 22.0. Analisis deskriptif digunakan untuk menghuraikan data demografi responden dan data kekerapan penggunaan strategi pembelajaran kemahiran mendengar dan kemahiran menulis Bahasa Melayu. Statistik deskriptif ini melibatkan analisis kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Skor purata min diinterpretasikan mengikut Mohd Majid (2000) bagi menentukan tahap nilai purat min strategi pembelajaran kemahiran mendengar dan kemahiran menulis.

JADUAL 1. Interpretasi skor min mengikut tahap

Skor min	Tahap
3.68 – 5.00	Tinggi
2.34 – 3.67	Sederhana
1.00 – 2.33	Rendah

Kaedah skor bagi skala Likert lima mata yang digunakan ialah Sangat Tidak Benar (STB) mewakili skor 1 mata, Tidak Benar (TB) mewakili skor 2 mata, Tidak Pasti (TP) bagi skor 3 mata, Benar (B) bagi skor 4 mata, dan Sangat Benar (SB) untuk skor 5 mata.

### DAPATAN KAJIAN

Kajian dijalankan bagi menentukan SPB Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar cemerlang etnik Cina dan India berdasarkan kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar dan kemahiran menulis. Data bagi profil demografi kajian dianalisis secara deskriptif yang melibatkan kekerapan atau frekuensi dan peratusan. Seterusnya, min dan sisihan piawai digunakan untuk mengenal pasti SPB Bahasa Melayu yang kerap digunakan oleh pelajar cemerlang berdasarkan kemahiran mendengar dan kemahiran menulis tersebut.

#### Profil Demografi Responden

Demografi responden menerangkan taburan kekerapan dan peratus responden dengan pelbagai

latar belakang berdasarkan etnik, jantina, dan aliran. Responden yang terlibat dalam kajian ini ialah 234 orang pelajar Cina dan India tingkatan 4 yang merupakan pelajar cemerlang bahasa di 10 buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Hulu Langat, Selangor.

JADUAL 2. Demografi responden kajian

Demografi		N (234)	Peratus (%)
Etnik	Cina	134	57
	India	100	43
Jantina	Lelaki	98	42
	Perempuan	136	58
Aliran	Sains	107	46
	Sastera	127	54

Jadual 2 menunjukkan data pelajar berdasarkan etnik. Seramai 134 orang, iaitu 57% merupakan pelajar etnik Cina, manakala bilangan bagi pelajar etnik India ialah 100 orang bersamaan 43%. Dari segi jantina, peratus bagi jantina lelaki pelajar tingkatan 4 yang dipilih ialah 42%, iaitu seramai 98 orang, manakala jantina pelajar perempuan mencatat 58% dengan bilangan 136 orang. Dari segi aliran kelas pula, bilangan pelajar aliran sains seramai 107 orang, iaitu 46%, manakala bagi aliran sastera mencatat 127 orang dengan 54%.

#### Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar Cemerlang Etnik Cina dan India Berdasarkan Kemahiran Mendengar

Berpandukan Jadual 3, terdapat 10 item berada pada tahap tinggi, manakala dua item berada pada tahap sederhana bagi SPB pelajar cemerlang berdasarkan kemahiran mendengar. Item 1, 2, 3, 4, 7, 8, 9, 10, 11, dan 12 memberikan interpretasi min yang tinggi di antara min 3.76 hingga min 3.96. Item “*Saya mendengar dengan teliti penerangan guru*” mencatat nilai min paling tinggi, iaitu min = 3.96, sp = .799. Seterusnya, item 5 dan 6 memperoleh skor min di antara 3.64 hingga 3.65. Item 5 “*Saya memilih tempat duduk paling hadapan agar dapat mendengar dengan lebih jelas*” memperlihatkan min yang paling rendah, iaitu min = 3.64, sp = .741.

JADUAL 3. SPB Bahasa Melayu pelajar etnik Cina dan India dalam kemahiran mendengar

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1	Saya mendengar dengan teliti penerangan guru.	3.96	.799	Tinggi
2	Saya mencatat penerangan guru sambil mendengar.	3.81	.725	Tinggi
3	Untuk lebih memahami penerangan guru, saya mendengar dengan teliti.	3.91	.765	Tinggi
4	Saya menumpukan sepenuh perhatian terhadap pengajaran guru.	3.84	.746	Tinggi
5	Saya memilih tempat duduk paling hadapan agar dapat mendengar dengan lebih jelas..	3.64	.741	Sederhana
6	Saya memerhatikan cara guru bertutur ketika mendengar.	3.65	.843	Sederhana
7	Ketika mendengar penerangan guru, saya cuba mengesan maklumat penting.	3.82	.821	Tinggi
8	Ketika mendengar perbincangan rakan, saya cuba mengesan maklumat penting.	3.76	.718	Tinggi
9	Saya akan meminta guru mengulangi penerangan jika tidak mendengar dengan jelas.	3.85	.787	Tinggi
10	Saya akan meminta rakan mengulangi pertuturannya jika saya tidak faham.	3.88	.806	Tinggi
11	Saya dapat membuat perbezaan antara maklumat penting dengan kurang penting ketika mendengar.	3.81	.838	Tinggi
12	Saya suka mendengar rakan yang fasih Bahasa Melayu bertutur.	3.94	.789	Tinggi
<b>Purata Min</b>		<b>3.82</b>	<b>.781</b>	<b>Tinggi</b>

Sebagai rumusannya, pelajar cemerlang kerap menggunakan strategi “*Saya mendengar dengan teliti penerangan guru*”. Strategi ini paling banyak digunakan dalam kalangan pelajar cemerlang yang terdiri daripada pelajar bukan Melayu. Strategi ini menjadi pilihan pelajar cemerlang kerana dengan mendengar penerangan guru secara teliti akan dapat mengelakkan kecairan maklumat. Seterusnya, pelajar menggunakan strategi “*Saya suka mendengar rakan yang fasih BM bertutur*”. Strategi tersebut digemari oleh pelajar cemerlang kerana kebanyakan pelajar bukan Melayu dikelilingi oleh rakan sekelas yang berbangsa Melayu.

Daripada data ini memperlihatkan pelajar banyak menggunakan strategi mendengar di dalam kelas. Pelajar cemerlang juga memerlukan bantuan daripada guru dan rakan sekelas untuk mempelajari bahasa Melayu. Secara keseluruhan, hasil analisis deskriptif membuktikan bahawa strategi pembelajaran kemahiran mendengar berada pada tahap yang tinggi dengan min = 3.82 dengan sisihan piawai = .781. Rumusannya ialah

pelajar cemerlang etnik Cina dan India menggunakan pelbagai strategi kemahiran mendengar ketika belajar Bahasa Melayu.

### Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar Cemerlang Etnik Cina dan India Berdasarkan Kemahiran Menulis

Jadual 4 menunjukkan skor min bagi penggunaan strategi pembelajaran kemahiran menulis pelajar cemerlang. Analisis memperlihatkan sembilan item memberikan interpretasi min yang tinggi manakala selebihnya tiga item memberikan interpretasi yang sederhana. Item 1, 2, 3, 4, 6, 7, 8, 10, dan 12 mencatat skor min tinggi antara 3.71 hingga 3.93. Item yang menunjukkan skor min tertinggi ialah item “*Saya menulis isi penting sebelum memulakan penulisan saya*”, iaitu min = 3.93, sp = .735. Terdapat tiga item yang berada pada tahap sederhana dengan min di antara 3.63 hingga 3.67. Item 11 “*Saya selalu membuat latihan menulis pelbagai tajuk Bahasa Melayu tanpa disuruh oleh guru*” merupakan item dengan skor min terendah, iaitu min = 3.63, sp = .701.

Secara keseluruhan, hasil kajian mendapati bahawa pelajar cemerlang banyak menggunakan strategi menulis untuk mempelajari Bahasa Melayu. Strategi “*Saya menulis isi penting sebelum memulakan penulisan saya*” dan “*Saya melayari internet untuk mendapatkan bahan-bahan penulisan yang baik*” paling kerap digunakan dalam kalangan pelajar cemerlang bukan penutur natif. Hal ini kerana dengan menulis isi penting sebelum memulakan penulisan akan membantu pelajar menulis secara berfokus dan idea dapat dikembangkan dengan lebih baik.

Selain itu, sinonim dengan zaman dunia tanpa sempadan, maka pelajar menggunakan kemudahan teknologi untuk mencari bahan yang bersesuaian dengan tugas penulisan mereka. Daripada rumusan ini menunjukkan bahawa tahap penggunaan strategi pembelajaran kemahiran menulis bagi pelajar cemerlang adalah berada pada tahap yang tinggi, min = 3.75 dengan sisihan piawai = .766.

Rumusannya ialah, pelajar cemerlang etnik Cina dan India ini menggunakan pelbagai strategi kemahiran menulis untuk menguasai Bahasa Melayu dengan baik.



JADUAL 4. SPB Bahasa Melayu pelajar etnik Cina dan India dalam kemahiran menulis

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1	Saya menulis isi penting sebelum memulakan penulisan saya.	3.93	.735	Tinggi
2	Saya menyemak penulisan saya sebelum diperiksa oleh guru.	3.81	.835	Tinggi
3	Saya mencatat penerangan atau pengajaran guru semasa di bilik darjah.	3.81	.740	Tinggi
4	Saya membuat rangka jawapan dahulu sebelum menulis.	3.71	.674	Tinggi
5	Saya mencatat isi-isi penting yang diperkatakan oleh rakan.	3.65	.816	Sederhana
6	Saya membaca contoh karangan Bahasa Melayu terbaik.	3.79	.726	Tinggi
7	Saya membaca pelbagai jenis bahan bacaan.	3.71	.766	Tinggi
8	Saya sering melakukan latihan menulis di rumah.	3.70	.873	Tinggi
9	Saya menjawab soalan-soalan peperiksaan yang lepas untuk meningkatkan kemahiran menulis saya.	3.67	.796	Sederhana
10	Saya melayari internet untuk mendapatkan bahan-bahan penulisan yang baik.	3.82	.782	Tinggi
11	Saya selalu membuat latihan menulis pelbagai tajuk Bahasa Melayu tanpa disuruh oleh guru.	3.63	.701	Sederhana
12	Saya selalu membuat latihan daripada buku-buku gerak kerja yang telah saya beli.	3.71	.758	Tinggi
<b>Purata Min</b>		<b>3.75</b>	<b>.766</b>	<b>Tinggi</b>

## PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, dapatan penyelidikan menunjukkan bahawa strategi pembelajaran kemahiran mendengar dan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar cemerlang etnik Cina dan India ini menunjukkan tahap yang tinggi dengan min = 3.82 (strategi mendengar) dan min = 3.75 (strategi menulis). Hasil kajian memperlihatkan pelajar cemerlang bukan Melayu ini kerap menggunakan strategi dalam kemahiran mendengar dan strategi pembelajaran kemahiran menulis. Dapatan ini terbukti selari dengan hasil kajian Zamri et al. (2010) dan Zamri et al. (2016) bahawa kemahiran mendengar sentiasa mendahului kemahiran menulis daripada segi tahap penggunaannya dalam kalangan pelajar bahasa. Hal ini disebabkan oleh adanya faktor yang mempengaruhi dapatan kajian tersebut. Antara faktor yang menyumbang kepada dapatan

tersebut ialah kemahiran mendengar merupakan kemahiran asas bahasa seseorang itu dalam menerima komunikasi. Oleh itu, pelajar cemerlang bahasa amat mementingkan kemahiran mendengar sebagai strategi pembelajaran mereka kerana apabila pelajar mengamalkan kemahiran mendengar yang baik dan berkesan, maka daya pemahaman terhadap pembelajaran akan meningkat dan membantu dalam pencapaian Bahasa Melayu. Pernyataan ini selari dengan dapatan Zamri (2015), strategi pembelajaran yang bersesuaian membantu meningkatkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan.

## Strategi Pembelajaran Kemahiran Mendengar

Berdasarkan strategi pembelajaran kemahiran mendengar yang kerap menjadi pilihan pelajar cemerlang etnik Cina dan India ini menunjukkan bahawa bantuan daripada guru Bahasa Melayu dan rakan sekelas amat diperlukan oleh mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana pada peringkat awal, pelajar akan mendengar dengan teliti apa-apa yang diujarkan oleh guru dan rakan sekelas. Setelah melalui proses tersebut, pelajar akan meminta pertolongan daripada guru dan rakan sekelas sekiranya mereka menghadapi masalah seperti kurang jelas akan sesuatu perkara dan kurang mendengar apa-apa yang disampaikan atau dibincangkan.

Hasil penyelidikan ini disokong oleh kajian terdahulu seperti Manprit Kaur dan Mohamed Amin (2011), Sharala et al. (2014), Kamaliah Ayu (2015) dan Zamri et al. (2016) yang menunjukkan bahawa pelajar kerap menggunakan strategi pembelajaran kemahiran mendengar yang melibatkan guru dan rakan sekelas semasa belajar Bahasa Melayu di dalam bilik darjah. Justeru, hasil kajian ini memperlihatkan pelajar cemerlang bahasa menggunakan kemahiran mendengar dengan teliti terhadap apa-apa yang dituturkan oleh guru dan rakan sekelas serta sering meminta bantuan daripada mereka sekiranya menghadapi sebarang masalah ketika mendengar. Hal ini membuktikan peri pentingnya peranan pendidik dalam pengajaran Bahasa Melayu (Sharala et al. 2014).

Hasil kajian juga mengenal pasti bahawa pelajar Cina dan India yang merupakan pelajar cemerlang ini telah menggunakan pelbagai strategi pembelajaran bagi kemahiran mendengar untuk

menguasai bahasa sasaran. Hal ini dikatakan begitu kerana kemahiran mendengar merupakan kemahiran asas yang perlu dipraktikkan oleh setiap pelajar yang cinta akan ilmu pengetahuan. Tanpa kemahiran mendengar yang baik, daya tumpuan seseorang pelajar itu pasti akan terganggu. Apabila wujudnya gangguan tersebut, tidak mungkin seseorang pelajar itu akan memahami dan menguasai sesuatu ilmu pengetahuan dengan baik.

Sebagai contoh, pelajar tingkatan tiga wajib menjalani Ujian Mendengar Bahasa Melayu PT3. Jadi kemahiran mendengar yang baik dapat dipraktikkan oleh pelajar semasa menjalani peperiksaan tersebut. Kenyataan ini disokong oleh Zamri et al. (2010), kemahiran mendengar menjadi faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan seseorang pelajar dalam bidang pelajaran. Oleh itu, pengkaji menekankan bahawa betapa pentingnya penguasaan kemahiran mendengar oleh pelajar bukan penutur natif sebelum mereka menguasai kemahiran bahasa yang lain seperti kemahiran membaca, menulis, kosa kata, dan tatabahasa.

### **Strategi Pembelajaran Kemahiran Menulis**

Dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar cemerlang berdasarkan kemahiran menulis berada pada tahap tinggi. Pelajar cemerlang bahasa telah menggunakan pelbagai strategi pembelajaran untuk menguasai kemahiran menulis. Pelajar cemerlang ini mengetahui bahawa dengan mempraktikkan langkah awal seperti merangka isi-isi penting sebelum memulakan penulisan adalah sangat membantu dalam menghasilkan karangan yang berkualiti. Tambahan pula, idea-idea dapat dikembangkan dengan baik melalui rangka karangan yang telah dibina. Hal ini selari dengan dapatan Zamri (2015) bahawa penguasaan menulis secara sistematis oleh pelajar akan mencerna karangan yang berkualiti.

Selain itu, strategi pembelajaran kemahiran menulis yang popular dalam kalangan pelajar cemerlang bahasa ialah mereka sering melayari internet untuk mengakses bahan ilmiah dalam membantu penulisan yang baik. Hal ini membuktikan bahawa pada era ledakan maklumat ini, pelajar cemerlang memanfaatkan penggunaan teknologi untuk mempelajari bahasa dengan sebaik-baiknya. Pernyataan ini amat sinonim

dengan hasil kajian Sumarni (2017) yang memperlihatkan bahawa melalui penggunaan Internet dalam PdPc telah minat pelajar dalam aktiviti menulis. Jelaslah bahawa pelajar perlu memanfaatkan kemudahan teknologi maklumat yang sedia ada agar strategi pembelajaran kemahiran menulis menjadi lebih menyeronokkan untuk dikuasai melalui pencarian maklumat dan bahan yang bersesuaian dalam sesuatu penulisan karangan. Justeru, apabila pelajar cemerlang lebih banyak mengamalkan strategi bagi menguasai kemahiran menulis, maka mutu penulisan mereka semakin meningkat.

### **IMPLIKASI KAJIAN**

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan strategi pembelajaran kemahiran mendengar dan kemahiran menulis berada pada tahap tinggi. Hal ini pastinya membawa kesan yang positif khususnya kepada pelajar cemerlang itu sendiri. Walaupun kajian ini tidak melibatkan pelajar yang lemah pencapaiannya, namun dapatan kajian boleh dijadikan panduan kepada mereka untuk menguasai Bahasa Melayu dengan lebih baik.

Guru Bahasa Melayu diharapkan dapat menerapkan dan menyebarkan strategi pembelajaran kemahiran mendengar dan menulis ini kepada pelajar bahasa kedua, terutamanya kepada pelajar lemah. Selain itu, guru perlulah merangka aktiviti PdP yang pelbagai mengikut cara belajar yang sesuai kepada pelajaranya.

Seterusnya, pihak Panitia Bahasa Melayu pula perlu merangka pelbagai aktiviti dan program yang menerapkan kepelbagaian SPB agar dapat menggigit minat para pelajar bukan penutur natif. Selaras dengan itu, pihak KPM juga perlu merangka buku teks dan buku latihan yang menerapkan kepelbagaian SPB agar proses penyampaian isi pelajaran dapat diterima dengan mudah oleh pelajar di samping menimbulkan keseronokan dalam pembelajaran bahasa.

### **KESIMPULAN**

Dapatan kajian ini jelas memperlihatkan bahawa penggunaan strategi pembelajaran kemahiran mendengar dan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar cemerlang bukan Melayu di sekolah menengah kebangsaan adalah berada pada tahap yang tinggi. Berdasarkan keputusan yang

dibentangkan, beberapa implikasi dan cadangan telah disarankan dengan tujuan memastikan pelajar dapat menguasai strategi pembelajaran kemahiran mendengar dan kemahiran menulis yang bersesuaian dengan kemampuan mereka. Justeru, hasil kajian dapat dijadikan sebagai panduan dan penambahbaikan kepada para guru Bahasa Melayu dalam usaha untuk membantu pelajar bukan Melayu agar lebih menguasai kemahiran mendengar dan menulis serta kemahiran bertutur dan membaca dengan lebih mudah dan berkesan.

### RUJUKAN

- Abu Talib Abdullah. (1998). Gaya dan strategi pembelajaran Melayu di kalangan pelajar tingkatan 4 daerah Johor Baharu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Bremner, S. (1999). Language learning strategies and language proficiency: Investigating the relationship in Hong Kong. *Canadian Modern Language Review*, 55 (4): 490-514.
- Chamot, A.U. & O'Malley, J.M. (1988). The cognitive academic language learning approach: A bridge to the mainstream. *TESOL Quarterly*, 21: 227-249.
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd. Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 67-87.
- Green, J. & Oxford, R. (1995). A closer too at learning strategies, L2 proficiency and gender. *TESOL Quarterly*, 29 (2): 261-297.
- Hamouda, A. (2013). An investigation of listening comprehension problems encountered by Saudi students in the EL listening classroom. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 2 (2): 2226-6348.
- Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi. (2010). *Strategi pembelajaran bahasa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kamiliah Ayu Ab. Ghani. (2015). Strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Kupasan mutu jawapan calon SPM 2018. Putrajaya: Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30:607-610.
- Manprit Kaur & Mohamed Amin Embi. (2011). Language learning strategies employed by primary school student. *European Journal of Education Studies*, 3 (3).
- Mohamad Yazid Mohamad. (2017). Kekerapan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid cemerlang etnik Cina. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7 (1): 85-92.
- Mohamed Amin Embi, Juriah Long & Mohd Isa Hamzah. (1999). Language learning strategies used by secondary school students in Malaysia: A preliminary study. *Laporan Akhir Penyelidikan GI/97*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Amin Embi, Zamri Mahamad & Mohd Nazali Abu Bakar. (2001). Pola penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu. *Journal of Language Teaching Linguistics and Literature*, 7: 95-109.
- Mohamed Amin. (2000). *Language learning strategies: A Malaysia context*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Izzudin Mohd Pisol, Mohamad Syukri Abd Rahman, Ahmad Ismail, Adnan Mat Ali, Mohd Kamal Radiman & Julia Madzalan. (2017). Perlaksanaan kemahiran mendengar dalam pembelajaran bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor. *Malaysian Online Journal of Education*, 1 (2): 44-49.
- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Cetakan Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nazali Abu Bakar. (1999). Strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tingkatan 4: Satu tinjauan. Latihan Ilmiah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Muhammad Alee Song. (2020). Strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi di Wilayah

- Yala, Selatan Thailand. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Naiman, N., Frohlich, M, Stern, H.H. & Todesco, A. (1978). *The good language learner*. Toronto: Ontario Institute for Studies in Education.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Kamarulzaman Abd. Ghani. (2006). Teknik pembelajaran kemahiran mendengar: Pencapaian kemahiran mendengar bahasa Arab. *Jurnal ISLAMIYYAT*, 28: 109-124.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2005). Penilaian kemahiran mendengar dalam Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Habsah Ali & Yahya Othman. (2018). Strategi pembelajaran kemahiran menulis bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Melanau di Daerah Daro. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8 (1): 33-41.
- Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli. (2015). Strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di Jerman. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nur Syafina Mohd Sabri. (2018). Strategi pembelajaran bahasa pelajar prasiswazah pengajian bahasa Melayu di Prince of Songkhla University, Pattani berdasarkan jantina, tahun pengajian dan tahap pencapaian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8 (2): 1-12.
- O'Malley, J.M. & Chamot, A.V. (1994). *Learning strategies in second language acquisition*. New York: Cambridge University Press.
- Oxford, R. (1990). *Language learning strategies: What every teacher should know*. Rowley: Newbury House.
- Park, Gi-Pyo. (1997). Languages learning strategies and English proficiency in Korean university students. *Foreign Language Annals*, 30: 211-221.
- Rubin, J. (1975). Whats the good language learner can teach us. *TESOL Quarterly*, 9: 41-51.
- Rubin, J. (1981). Study of cognitive process in second language learning. *Applied Linguistic*, 2: 118-131.
- Sharala Subramaniam, Zamri Mahamod, Jamaludin Badusah, Nik Mohd Rahimi & Mohamed Amin. (2014). Penggunaan dan kekerapan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar warganegara asing. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (2): 25-35.
- Stern, H.H. (1984). *Fundamental concept of language teaching*. London: Oxford University Press.
- Sumarni Lapammu. (2017). Pengetahuan, sikap, dan kesediaan pelajar terhadap penggunaan pembelajaran maya (VLE) Frog dalam Pendidikan bahasa Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Supian Mohd Noor. (2003). Strategi pemerolehan ayat satu dasar. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Wharton, G. (2000). Language learning strategy use of bilingual foreign language learners in Singapore. *Language Learning*, 50: 203-243.
- Wood, J.W. (2002). *Adapting incruction to accommodate students in inclusive settings*. New York: Pearson Education Inc.
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2006). Strategi pembelajaran Bahasa Melayu antara pelajar bukan Melayu pelbagai etnik. *Jurnal Pendidikan*, 115-132.
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2007). Strategi pembelajaran Bahasa Melayu pelajar pelbagai etnik di luar kelas. *Jurnal Teknologi*, 47 Dis. (E): 97-117.
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2008). *Teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu: Teori dan praktis*. Shah Alam: Karisma Publication.
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2002). Memperkukuhkan kemahiran berbahasa pelajar melalui kepelbagaian strategi pembelajaran bahasa. *Prosiding Konferensi Intelktual Bahasa (ICOL) 2001: Menganjak Paradigma Pendidikan Bahasa di Malaysia*, 173-182. Jengka: Penerbitan Pusat Bahasa, UiTM Kampus Jengka.
- Zamri Mahamod & Zarina Othman. 2001. Sikap pelajar Cina terhadap pembelajaran Bahasa

- Melayu sebagai bahasa kedua. Dewan Bahasa, 40-43.
- Zamri Mahamod, Kamiliah Ayu Ab. Ghani & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2016). Penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina berdasarkan sikap dan kemahiran bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (1): 38-51
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2010). *Strategi pembelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris pelajar cemerlang*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Parilah Mohd Shah & Aliza Alias. (2009). Perbandingan strategi pembelajaran Bahasa Melayu antara pelajar bandar dan pelajar luar bandar berdasarkan kategori belajar dan kemahiran bahasa. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009*. CD-ROM. Kota Kinabalu: Penerbitan Sekolah Pendidikan & Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.
- Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Mohamed Amin Embi. (2006). Strategi pembelajaran kemahiran lisan yang berkesan di dalam kelas Bahasa Arab sebagai bahasa kedua. *Prosiding Wacana Kebangsaan Pendidikan Islam Siri Ke-5*, 363-374. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod. (2004). Strategi pembelajaran Bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris..
- Zamri Mahamod. (2015). *Strategi belajar: Inventori cara belajar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zarina Othman. (2002). Strategi pembelajaran bahasa Melayu di sekolah bestari. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.